



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MELINDUNGI KANAK-KANAK MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB BAGI SETIAP AHLI MASYARAKAT

KUANTAN, 23 JUN 2018 - YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan kunjungan ke Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom. Objektif utama kunjungan pada kali ini adalah untuk mendekati kanak-kanak di rumah ini serta mendengar dan berkongsi cerita bersama mereka bagi memastikan kanak-kanak ini tidak rasa terabai dan akan berjaya seperti kanak-kanak yang lain.

Rumah kanak-kanak ini merupakan institusi Tempat Selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 54 Akta Kank-Kanak 2001. Tempoh perlindungan yang diberikan adalah selama 3 tahun atau sehingga mencapai umur 18 tahun mengikut mana-mana yang lebih pendek serta boleh dibebaskan awal dengan meminda, mengubah atau membatalkan perintah. Setakat ini terdapat 13 Rumah Kanak-Kanak (RKK) di seluruh Malaysia.

Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom ini mula dibuka pada 15 Disember 2010 dengan kemasukan seramai 42 orang pada ketika itu. YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah semasa kunjungannya berkata "Perlindungan kanak-kanak merupakan tanggungjawab bagi setiap ahli masyarakat. Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child – CRC) yang Malaysia telah menjadi Negara

Pihak semenjak tahun 1995, hak kanak-kanak meliputi aspek kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak.”

“Setiap kanak-kanak berhak mendapat kasih sayang yang secukupnya dan sebolehnya membesar dalam situasi berkeluarga dan bukannya dalam institusi. Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak pada tahun 2016 telah memperkenalkan satu konsep baru iaitu Pemeliharaan Berasaskan Keluarga bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan” ujar beliau lagi.

Turut hadir sempena lawatan rasmi ini adalah Yang Berbahagia Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KPWK, Yang Berusaha Dr.Waitchalla R.R.V Suppiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWK, Yang Berusaha Encik Azman bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWK, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; Pengarah JKM Negeri Pahang; Pengetua Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom; pegawai-pegawai kanan KPWK, serta pegawai-pegawai kanan JKM.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Aras 35, Persiaran Perdana

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my